



BULETIN 2020

BPPA

BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET | CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU



PENSIJILAN KOMPETENSI PENGURUSAN ASET DAN FASILITI JKR 2020

**11**

PENSIJILAN JKR MALAYSIA
PENGURUSAN ASET DAN
FASILITI

Jabatan Kerja Raya (JKR) mencapai Visi dan Misi sebagai pemberi perkhidmatan **Pengurusan Aset dan Fasiliti** bertaraf dunia.

Pentauliahan ini membolehkan pegawai memainkan peranan yang lebih profesional sebagai wacana mencapai penanda aras yang optimum demi mencapai matlamat organisasi.

3**SLOT KHAS**Temubual bersama Pengarah **BPPA****9****DOKUMEN PENERBITAN**
BPPAGaris Panduan Penyenggaraan
Bangunan Warisan

Garis Panduan Pengurusan Ruang

15**PERKONGSIAN ILMU**
Pengurusan Aset
Menyeluruh**40****ACTIVO** Johan Kategori
Pengurusan Konvensyen
KIK JKR Malaysia 2020

TINTA KETUA EDITOR



Dari Pena Ketua Editor
Ir. Faizul Azlan Bin Loman

SIDANG REDAKSI

Penaung
Ir. Hj. BADIOEZAMAN BIN AB. KHALIK
Pengarah Kanan CPAB

Penasihat
Ir. HARJIT SINGH A/L INDER SINGH
Pengarah BPPA

Ketua Editor
Ir. FAIZUL AZLAN BIN LOMAN

Editor 1
LENNY SHERYME BINTI JASMIN

Editor 2
Ar. NORASHYIKEN BINTI AZALI

Sidang Pengarang

AZRUL HANIF BIN AB HALIM

HANAFI BIN ZULKIPLI

JUNAIDAH BINTI ROSLI

AHMAD ASMIZI BIN ABD GHANI

MOHD BADRUL HISHAM BIN YUNUS

ADNAN BIN ABD. AZIZ

NOOR AZILA BINTI IDRIS

AMELYA BINTI ABDUL JAMEL

NOR AZIZI BIN ABDUL AZIZ

SHAHRIZAL BIN ABD. HALIM

ROZIA HANIM BINTI MOHD DAIM

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan IzinNya, dapat sekali lagi kita menyaksikan penerbitan Buletin BPPA Edisi Tahun 2020 yang menjadi kebanggaan warga BPPA. Sekalung penghormatan diberikan kepada Pengarah Kanan CPAB selaku penaung dan Pengarah BPPA selaku penasihat serta setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Ahli Sidang Redaksi yang bertungkus lumus dalam suasana budaya kerja norma baru menyiapkan wadah yang cukup bernilai ini.

Buletin ini cukup bermakna bagi warga BPPA kerana ia merupakan medium perkongsian dan penyebaran maklumat berkaitan segala aktiviti, program dan pencapaian BPPA sepanjang tahun 2020. Sejujurnya penularan pandemik COVID-19 sedikit sebanyak telah merencatkan pelbagai aktiviti dan program yang telah dirancang, namun kita telah berusaha sedaya upaya untuk menjayakannya. Saya bagi pihak sidang redaksi juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buletin ini dan diharapkan agar kerjasama ini berterusan demi kebaikan jabatan.

Adalah diharapkan agar penerbitan Buletin ini memberi manfaat yang besar kepada pembacanya. Semoga Buletin ini terus kekal relevan dalam arus kebanjiran media sosial maya dan BPPA terus gah memartabatkan pengurusan aset tak alih kerajaan.

Terima kasih dan selamat membaca.

HEBAHAN MENARIK DI DALAM

2	Perutusan Pengarah Kanan CPAB	6	Carta Organisasi BPPA 2020	11	PROGRAM PENSIJILAN JKR MALAYSIA : Pengurusan Aset Dan Fasiliti	15	PERKONGSIAN ILMU Pengurusan Aset Menyeluruh
3	SLOT KHAS : Temubual bersama Pengarah BPPA	9	DOKUMEN PENERBITAN BPPA	12	CAAM - Certified Associate In Asset Management	17	Program-program BPPA Tahun 2020
5	Maklumat Korporat		Garis Panduan Penyenggaraan Bangunan Warisan	13	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan	40	APC – Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020
			Garis Panduan Pengurusan Ruang				ACTIVO Johan Kategori Pengurusan Konvensyen KIK JKR Malaysia 2020

PERUTUSAN PENGARAH KANAN CPAB



Salam sejahtera.

Bersyukur saya kepada Allah SWT di atas limpahan kurnia dan keizinanNya, Buletin BPPA 2020 dapat direalisasikan pada tahun ini. Ini sangat bertepatan dengan kehendak jabatan dalam usaha mempelbagaikan saluran penyampaian maklumat dan pengetahuan kepada seluruh warga JKR Malaysia.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga BPPA atas kejayaan melaksanakan segala program dan aktiviti termasuk seminar, program peluasan dan bengkel yang telah dirancang dalam suasana norma baharu meskipun berhadapan dengan pelbagai kekangan berikutan penularan pandemik COVID-19. Saya percaya semua ini tidak akan dapat dicapai tanpa keazaman dan kerjasama yang padu di kalangan warga BPPA.

Bertepatan dengan peranan utama BPPA sebagai agensi yang merancang, membangun, mengurus dan memantau pengurusan aset kerajaan, saya amat berkeyakinan tinggi bahawa BPPA mampu menjadi pusat kecemerlangan pengurusan aset dan penyenggaraan infrastruktur selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Dari segi program pensijilan pada tahun 2020, BPPA telah berjaya menganjurkan Pensijilan Pengurusan Aset dan Fasiliti bersama Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE). Hasil daripada program pensijilan tersebut, seramai 27 orang kakitangan JKR telah berjaya mendapat pensijilan Tahap 3 dan Tahap 4. Saya berharap agar lebih ramai lagi warga JKR berminat untuk menyertai program pensijilan ini pada tahun 2021 dan seterusnya.

**Ir. Hj. Badioezaman bin Ab. Khalik
Pengarah Kanan CPAB**

Bagi bidang pengurusan aset, program pemantapan serta pemurnian dokumen seperti Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK), Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alish (TPATA) telah berjaya dilaksanakan selaras dengan ISO 55000: *Asset Management Standard* bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Harus saya akui bahawa kehebatan BPPA bukan hanya terletak pada pemerkasaan Pengurusan Aset Tak Alish Kerajaan dan penghasilan dokumen strategik berkaitan tetapi juga dari aspek kreativiti warga BPPA. Ini jelas terbukti dengan kejayaan Kumpulan ACTIVO selaku wakil daripada BPPA yang telah dinobatkan sebagai Johan Kategori Pengurusan dan juga Poster Terbaik Kategori Pengurusan di Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JKR Malaysia 2020. Syabas BPPA!

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Sidang Redaksi Buletin BPPA yang telah bertungkus-lumus menjayakan Buletin BPPA 2020. Besarlah harapan saya agar momentum ini terus dikekalkan demi kecemerlangan dan kegemilangan jabatan ini, BPPA khasnya dan CPAB secara amnya.

Sekian terima kasih.



PENGARAH BPPA

Sebagai pembuka bicara bolehkan tuan menerangkan serba sedikit tentang Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA) dan apakah peranan BPPA dalam memperkasakan Pengurusan Aset Kerajaan?

Bahagian Perundingan Pengurusan Aset atau lebih dikenali sebagai BPPA, diwujudkan pada tahun 2014 kesinambungan daripada fungsi Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara (BPKS) yang wujud sejak awal tahun 2007. BPPA merupakan salah satu bahagian utama di dalam Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB) yang memberi Khidmat kepakaran dalam bidang pengurusan aset.

BPPA berperanan sebagai pihak yang merancang, membangun dokumen seperti dasar, polisi, tatacara, garis paduan dan lain-lain yang berkaitan dengan pengurusan aset.

Selain itu, BPPA juga berperanan sebagai Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) yang bertanggungjawab untuk menyelaras, memantau pengurusan aset tak alih dan pematuhan kepada pekeliling di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Baru-baru ini pihak Urusetia JPAK telah mengadakan mesyuarat JPAK yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara yang dihadiri oleh wakil daripada agensi yang berkepentingan di dalam pengurusan aset kerajaan seperti Ketua Pengarah MAMPU, ICU, JKR, JKPTG dan Akauntan Negara. Ini merupakan anjakan paradigma dalam usaha untuk memperkasakan pengurusan aset dengan sokongan daripada pengurusan tertinggi negara.

BPPA juga aktif dalam melaksanakan aktiviti untuk memperkasaan pengetahuan dalam bidang pengurusan aset menyeluruh di mana warga BPPA terlibat secara langsung sebagai tenaga pengajar bagi kursus, taklimat, bengkel, seminar yang dianjurkan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

Baru-baru ini seramai 27 pegawai daripada BPPA telah menerima Pensijilan Kompetensi Pengurusan Aset dan Fasiliti Tahap 3 dan Tahap 4 di bawah program kompetensi Jabatan Kerja Raya. Di majlis yang berlainan pula, seramai 22 pegawai telah menerima sijil *Certified Associate in Asset Management (CAAM)* yang diiktiraf oleh Pihak Asset Management Council (AMC), Australia. Selain itu juga, terdapat 2 wakil daripada BPPA yang telah menerima pengiktirafan oleh pihak CIDB sebagai *Certified Facility Manager*. Ini adalah pencapaian yang membanggakan kerana usaha BPPA untuk melahirkan pegawai yang mempunyai kompetensi telah membawa hasil.



Ir. Harjit Singh a/l Inder Singh
Pengarah BPPA

Pihak BPPA juga memastikan pegawai-pegawaiannya sentiasa diperlengkapkan kompetensi pengurusan aset dan mempunyai kelayakan profesional. Antara usaha pihak BPPA untuk melahirkan golongan profesional dalam kalangan warga BPPA ialah dengan mengadakan Program Mentor Mentee bagi pengiktirafan profesional. Di dalam program ini pegawai yang berminat untuk menyertai program ini akan dibantu dari segi pemilihan mentor, permohonan, pencapaian semasa dan sebagainya. Diharap pada tahun hadapan lebih ramai pegawai BPPA yang mempunyai taraf profesional.

Negara sedang dilanda wabak COVID-19 dan aktiviti dalam bentuk perkumpulan adalah tidak dibenarkan dan semua pegawai dikehendaki bekerja daripada rumah secara bergilir. Apakah kesan dan cabaran yang dihadapi oleh BPPA dalam menghadapi norma baharu ini?

Pada awal tahun 2020, pelbagai aktiviti telah dirancang untuk sepanjang tahun 2020. Namun arahan PKP sekitar bulan Mac telah mengakibatkan banyak program yang telah dirancang dibatalkan dan sebahagian aktiviti terpaksa ditangguhkan. Ini merupakan cabaran terbesar kepada BPPA kerana kebanyakkan aktiviti BPPA melibatkan pihak luar seperti bengkel, ceramah, naziran, mesyuarat dan sebagainya. Semua program ini memerlukan perjumpaan fizikal dan terpaksa ditangguhkan disebabkan PKP.

Namun setelah kerajaan mengumumkan tempoh pemulihan sekitar bulan Jun, BPPA telah bangkit untuk merealisasikan program-program yang tergendala disebabkan oleh PKP. Sekitar bulan Julai sehingga Oktober program peluasan, kursus, naziran dan mesyuarat sempat dilaksanakan sebelum PKPB seterusnya diumumkan. Daripada program yang dirancang, hampir kesemua telah dilaksanakan semasa tempoh beberapa bulan semasa proses pemulihan dan hanya beberapa aktiviti seperti naziran terpaksa ditangguhkan ke tahun hadapan.

Sejujurnya, penularan wabak COVID-19 memberi impak besar kepada norma kerja warga BPPA, di mana dalam tempoh ini pegawai dikehendaki bekerja daripada rumah dan sebarang aktiviti perkumpulan tidak dibenarkan. Hal ini merupakan cabaran besar kepada warga BPPA kerana majoriti pegawai terlibat dengan aktiviti yang memerlukan perjumpaan fizikal seperti penceramah, aktiviti naziran, mesyuarat dan sebagainya.

Antara inisiatif BPPA untuk menghadapi cabaran penularan wabak COVID-19 ialah dengan memastikan setiap aktiviti yang dianjurkan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu BPPA juga menyahut seruan kerajaan dalam mengadaptasi pembudayaan norma kerja baharu dengan mengadakan mesyuarat di dalam talian.

Salah satu inisiatif BPPA dalam membudayakan norma baru adalah dengan membangunkan video-video pembelajaran berkaitan dengan pengurusan aset yang akan dimuat naik dan boleh ditonton secara dalam talian.

Memetik kepada kata-kata daripada YBhg. Tan Sri KSN yang mengingatkan semua peringkat penjawat awam bermula daripada Pengurusan Tertinggi seperti Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah sehingga kumpulan pelaksana diterapkan dengan mindset atau corak pemikiran untuk menjadi pemudah

cara kepada rakyat. Menurut beliau, semua Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah ketika ini ditetapkan dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai bagi memastikan program menggerakkan ekonomi pasca PKP dilaksanakan mengikut perancangan. BPPA juga perlu menyahut aspirasi kerajaan dengan memantau serta memastikan semua projek senggarai berjalan dengan segera dan secara tidak langsung dapat menyumbang dalam menggerakkan ekonomi negara.

Akhirnya apakah harapan tuan terhadap warga BPPA?

Besarlah harapan saya agar BPPA dapat merealisasikan Visi JKR iaitu menjadi pemberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.

Oleh itu BPPA haruslah meneroka teknologi semasa dan lebih kreatif dalam menjalankan tugasannya harian. Akhir kata, saya berharap seluruh warga BPPA terus mengekalkan kejayaan dan meneruskan usaha dalam memperkasakan pengurusan aset di samping mencapai Misi, Visi dan Objektif BPPA serta JKR secara amnya. Kejayaan BPPA akan memastikan JKR akan terus relevan sebagai agensi ulung teknikal dalam kerajaan.



MAKLUMAT KORPORAT

CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU

BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET



Menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang aset yang merangkumi pengurusan projek dan fasiliti bagi kemudahan infrastruktur negara.

VISI

MISI

FUNGSI

BPPA

- Komited dalam menyediakan perkhidmatan.
- Membangunkan kompetensi dan kapasiti Pengurus Aset, Projek dan Fasiliti yang cemerlang.
- Memastikan keberkesanan tadbir urus Pengurusan Aset Kerajaan.

- Merangka Dasar Nasional dan membangunkan dokumentasi bagi pengurusan aset dan penyenggaraan aset kerajaan yang bersepadu serta menyeluruh.
- Membangun dan menyenggara aplikasi sistem pengurusan aset tak alih serta mengurus pangkalan data aset tak alih kerajaan.

Menjadi pusat kecemerlangan Pengurusan Aset dan Penyenggaraan infrastruktur berteraskan kreativiti dan inovasi modal insan, serta teknologi terkini.

- Memberi perkhidmatan secara profesional.
- Komited dalam mencapai kecemerlangan melalui Pengurusan Aset Menyeluruh.
- Membangun kecemerlangan modal insan yang kompeten, kreatif dan inovatif.

- Melaksanakan program peningkatan kompetensi dalam bidang pengurusan aset dan fasiliti.
- Melaksanakan tadbir urus pengurusan aset kerajaan melalui pemantauan, naziran dan pelaporan.
- Memberi khidmat nasihat perundingan pengurusan aset menyeluruh kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

PENILAIAN DAN PELUPUSAN ASET

PERANCANGAN DASAR DAN STRATEGI

KELESTARIAN ASET

PENYENGGARAAN PROAKTIF

NAZIRAN


AUDIT

ANALISIS

PELAPORAN ASET

PENGIKTIRAFAN ASET

PENILAIAN DAN PENARAFAN ASET



MANUAL PENGURUSAN ASET

PELUASAN

PEMBUDAYAAN

LATIHAN

PERUNDINGAN ASET

PENGUMPULAN LUKISAN SIAP BINA

AMALAN TERBAIK PENGURUSAN ASET

CARTA ORGANISASI BPPA



Ir. HARIJIT SINGH A/L
INDER SINGH



MASDIANA BINTI
KAMARUDDIN
N29

PEJABAT PENGARAH

UNIT PELAPORAN PROJEK SENGGARA DAN mySPATA

- » Membangun, mengurus dan menyenggara aplikasi Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) sebagai tools dalam mengurus aset kerajaan secara lebih sistematis.
- » Menyelaras pelaporan pelaksanaan pengurusan projek/ kerja senggara di bawah seliaan JKR.
- » Mengurus aplikasi Sistem Pemantauan Senggara Bersepadu (SPSB).
- » Menilai penerimaan/ pelepasan projek/ kerja senggara (Tapisan).
- » Mengawal prestasi pelaksanaan projek/ kerja senggara (Intervensi).
- » Mentadbir urus pemantauan dan pelaporan pengurusan projek/ kerja senggara.

UNIT PELAPORAN PROJEK SENGGARA DAN mySPATA



MAZNIDA SHAHILA
MAT SALLEH
J54 (E)



RAFIDAH
JAMILIN
N19

SEKSYEN PENGURUSAN APLIKASI SOKONGAN DAN PELAPORAN



SHAHRUL ASIAD
MD ROZALI

SY. SYED
MAHADHIR WAN
IBRAHIM

HAMIZAN
HUSAIN

MOHD FIRDHAUZ
HARUN

NOR AZIZI
ABDUL AZIZ

Dr. NARONG OH
LAI CHING

JA29 (A)

JA38 (E)

J41 (M)

SEKSYEN PENGURUSAN OPERASI MySPATA



NORUL SYAHIDA
M. ASHAARI
J48 (E)

ROHZAD
HAMIDAN
J44 (JUB)

AMZAR ZUBIR
J44 (E)

KOSONG


ZULKIFLI MAT
NASIR
JA38 (E)

ZUHALI
AMALINA
ABD WAHID
JA29 (E)

UNIT PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET KERAJAAN

- » Merangka dasar nasional bagi Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan yang bersepadu serta menyeluruh.
- » Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) yang dipengerusikan oleh KSN.
- » Membangunkan dokumentasi untuk amalan dan sistem proses kerja piawaian supaya pengurusan aset tak alih kerajaan adalah seragam serta sistematik agar mencapai tahap penggunaan yang optimum dan menguntungkan kerajaan (*value for money*).
- » Sebagai badan tadbir urus yang memberikan khidmat nasihat dalam pengurusan aset kerajaan kepada semua kementerian/ jabatan/ agensi peringkat Persekutuan.
- » Melaksanakan naziran aktiviti pengurusan aset tak alih bagi memastikan aset-aset kerajaan sentiasa berfungsi dengan sempurna, selesa dan selamat.
- » Memberi khidmat perundingan dan penambahbaikan berkaitan proses penerimaan, pendaftaran, pelupusan & hapuskira termasuk menyediakan anggaran kos jabatan dan laporan berkaitan, melaksanakan program peluasan dan khidmat nasihat.

UNIT PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET KERAJAAN



Ir. Dr. AHMAD FIRDAUZ
ABDUL MUTALIB

J52 (A)

SEKSYEN PERANCANGAN DASAR DAN STRATEGI



IR. MOHD YUSAINI
MOHD YUNUS
J44 (A)

NORAZIN
MOHD
KAMARUDZAMAN
J44 (BS)

NOR RAPIDAH
MUSTHafa
J44 (BS)

YUSRI AMRY
NAJIB FAHMY
JA29 (M)

KOSONG

KAMARUL ARIF
ABDUL WAHAB
J44 (BS)

SEKSYEN PENDAFTARAN DAN PELUPUSAN ASET



MOHD NOOR
HAMDAN
J44 (M)

SITI SYAHIELAH
ABDUL GHANI
J44 (BS)

Ir. AIEZA MOHD
YUSOP
J48 (A)

KOSONG

NURUL HAYA
ISMAIL
JA38

SEKSYEN TADBIR URUS DAN NAZIRAN AGENSI



MOHD SHARUL
NIZAM ABDUL
HAMID
J48 (A)

AMELYA ABD
JAMEL
J41 (JUB)

'AIFFAH
MOHAMED
J41 (E)

SITI NURMASNiza
MOHD RASHID
J41 (E)

KOSONG

J41/J44

CARTA ORGANISASI BPPA



UNIT PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET MENYELURUH

- » Membangun dokumen amalan terbaik dalam pengurusan aset menyeluruh (PAM) mengikut piawaian supaya pengurusan aset dan fasiliti kerajaan adalah seragam serta sistematik
- » Memberi khidmat nasihat dan perundingan terhadap pengurusan aset menyeluruh, seperti DFM, LCC, Pengurusan Risiko Aset, BPA, BCA, Pengurusan Ruang, LAFAS dan lain-lain yang berkaitan.
- » Melaksana fungsi urus setia Lembaga Penarafan Bangunan dan Jawatankuasa Pengumpulan Data LCC.
- » Melapor dan memastikan aktiviti penilaian dan penarafan bangunan dilaksanakan di peringkat negeri dan CSFB.
- » Melaksana program *Train The Trainers* bagi meningkatkan kompetensi di bidang pengurusan aset.

UNIT PEMBANGUNAN KAPASITI DAN TRANSFORMASI

- » Melaksana program pembangunan kompetensi dan program pensijilan pengurusan aset dan fasiliti.
- » Melaksana program pengurusan perubahan dalam pengurusan aset tak alih kerajaan.
- » Urusetia Pengurusan Lukisan Siap Bina (LSB) JKRR.
- » Melaksana program pembudayaan pengurusan aset dan fasiliti melalui penganjuran seminar/ kursus/ bengkel.
- » Mempromosi aktiviti/ program bahagian melalui penerbitan dan media sosial.
- » Memberi khidmat sokongan kepada BPKS dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran.

UNIT PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET MENYELURUH



NOOR'AIN
ZAINAL ABIDIN
J54 (M)

NURMAIZATUL
HIKMAH
HASSAN
N19



Ir. LAI SHIEN
NANG
JS2 (A)



NORHA
AWANG
JS2 (A)

SEKSYEN AMALAN TERBAIK PENGURUSAN ASET



MUHAMAD
FAIZAL ABD
RAZAK
J41 (M)

NAOMI ANDREW
BALING
J44 (A)

AZRUL HANIF AB
HALIM
J48 (A)

NOOR AZILA
IDRIS
JA36 (SB)

SEKSYEN KELESTARIAN ASET



MOHAMAD ALIAS
KHAIROUDIN
J48 (AR)

JUNAIDAH ROSU
J44 (AR)

NUR PISTA
FISHOL HAMDI
J44

KOSONG

MOHAMED SYED
AZHIM MOHD
KASSIM
JA29 (SB)

SEKSYEN REKABENTUK PENYENGGARAAN PROAKTIF



NURUL AIN
SALIM
J41 (A)

ASUNDIKA RAJA
JALOO A/L
VATHIVELLU
J41 (M)

Ir. NOORSTARINI
ROSARIA
NOORDIN
J48 (A)

NORHAZIRA
MOHD NOR
JA29 (E)

ZALINAH ABU SEMANIA
JA36 (SB)

AHMAD
KHAIROUDIN
ABDUL RAHMAN
JA38 (E)

SEKSYEN PENILAIAN DAN PENARAFAN ASET



SALAWATI
SALLAN
J48 (A)

NOR ISLAMAH
HASHIM
J44 (BS)

ABDUL NIZAM
ABDULLAH
SANI
J44 (BS)

KOSONG

HUONG HOW
CHUANG
JA29 (A)

UNIT PEMBANGUNAN KAPASITI DAN TRANSFORMASI



Ir. FAIZUL AZLAN
LOMAN
J54 (A)

KOSONG
N29



WAN NORISA
WAN YUSOFF
JA32 (A)

SEKSYEN KAPASITI DAN KOMPETENSI



KOSONG

J41/J44

SITI NILA EFTIAR
KADERI
J44

J48 (M)

MOHD BADRUL
HISHAM YUNUS
JA38 (A)

JA36 (E)

MAURINE @
MANUIL JOACHIM
JA36 (E)

KOSONG

JA1/J44

SEKSYEN PEMBUDAYAAN DAN PENERBITAN



ADNAN ABD AZIZ
JA29(E)

J41/J44

KOSONG

J41 (AR)

Ar. NORASHIKEN
AZALI
J41 (AR)

KOSONG

JA1/J44

SEKSYEN URUSETIA LSB DAN PENGURUSAN PERUBAHAN



LENNY SHERYME
BINTI JASMIN
JA48 (A)

VICKNESWARAN
A/L
PANNEERSELVAN
JA1 (M)

SHAHRIZAL ABD
HALIM
JA36 (E)

KHALRIZAL ABD
HALIM
JA29 (E)

CARTA ORGANISASI BPPA


UNIT PERUNDINGAN PENGURUSAN FASILITI

- Membangun dokumen amalan terbaik dalam Pengurusan Fasiliti (FM) mengikut piawaian supaya pengurusan fasiliti kerajaan adalah seragam serta sistematik.
- Memberi khidmat nasihat dan perundingan terhadap pengurusan fasiliti kepada semua kementerian/ jabatan/ agensi kerajaan.
- Memantau dasar dan menyelaras aktiviti peluasan terhadap pengurusan fasiliti termasuk aktiviti peluasan, manual, tatacara, prosedur kerja, strategi, pelan tindakan dan garis panduan kepada semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi kerajaan.
- Melaksana program *Train The Trainers* bagi meningkatkan kompetensi di bidang pengurusan fasiliti.

UNIT PERUNDINGAN PENGURUSAN FASILITI



SEKSYEN STANDADISASI PRESTASI PENGURUSAN FASILITI



SEKSYEN TEKNOLOGI PENYENGGARAAN PENGURUSAN FASILITI



SEKSYEN PENGURUSAN PENYENGGARAAN FASILITI



UNIT PERUNDINGAN PEROLEHAN DAN KONTRAK

- Melaksanakan khidmat nasihat dan perundingan teknikal berkaitan dengan perolehan dan pengurusan kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan bangunan kerajaan kepada semua kementerian/ jabatan/ agensi kerajaan.
- Membangunkan dan menambahbaik dokumen amalan terbaik bagi Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan seperti garis panduan, dokumen, manual dan tatacara berkaitan perolehan dan pengurusan kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan untuk digunakan oleh semua kementerian/ jabatan/ agensi kerajaan.
- Membangunkan maklumat data kos bagi kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan yang akan dijadikan sumber rujukan bagi pelaksanaan kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan semasa Pra dan Pasca Kontrak.
- Melaksanakan pemantauan dan aktiviti nazir bagi projek-projek Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan bagi memastikan pelaksanaan kontrak FMM mengikut standard yang telah dibangunkan.

UNIT PERUNDINGAN PEROLEHAN DAN KONTRAK



SEKSYEN PERUNDINGAN KONTRAK



SEKSYEN PEROLEHAN KONTRAK





DOKUMEN PENERBITAN BPPA

GARIS PANDUAN PENGURUSAN RUANG

EDISI 2020

Isu penggunaan ruang sering dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Penemuan dan teguran antara lain adalah seperti berikut:

- Ruang sedia ada tidak digunakan sepenuhnya mengakibatkan pembaziran serta kerugian kepada Kerajaan;
- Tiada rekod data ruang yang lengkap untuk pelaksanaan pengurusan ruang;
- Penyalahgunaan ruang yang mendarangkan risiko kepada keselamatan dan keselesaan penghuni serta pengguna; dan
- Tiada sistem dan proses yang sistematik dalam mengurus ruang dengan cekap dan berkesan.

Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) menetapkan pengurusan ruang sebagai salah satu aktiviti penting yang perlu dilaksana bagi memastikan aset mencapai nilai faedah yang optimum. Pengurusan ruang yang mantap akan meningkatkan penggunaan ruang dari segi:

- Kefungsian (*Functionality*);
- Kecekapan (*Efficiency*);
- Keberkesan (*Effectiveness*)
- Fleksibiliti (*Flexibility*); dan
- Kos (*Value for money*).

GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUANG

LJKR **Bahagian Perundingan Pengurusan Aset Cawangan Perancangan Aset Bersepadu Jabatan Kerja Raya Malaysia**

BERKATUANAH KERJA RAYA MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENYENGGARAAN BANGUNAN WARISAN

EDISI 2020

Bangunan-bangunan lama yang masih kekal sehingga hari ini kebanyakannya mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri dan menjadi mercu tanda juga simbol sejarah pembangunan Malaysia. Kini, kebanyakannya telah diwartakan sebagai bangunan warisan. Dianggarkan bilangan bangunan yang akan didaftarkan sebagai bangunan warisan akan meningkat pada masa akan datang. Namun, terdapat beberapa isu dan pemasalahan dalam menyenggara bangunan warisan.

Dengan itu satu garis panduan perlu disediakan untuk memudahkan pemilik bangunan warisan merancang pelaksanaan operasi dan penyenggaraan bangunan warisan. Garis panduan ini menyediakan garis panduan umum untuk melaksanakan operasi dan penyenggaraan aset bangunan warisan. Proses kerja, senarai semak dan laporan disertakan bersama dokumen ini untuk membantu individu atau agensi terlibat dalam melaksanakan kerja penyenggaraan yang seragam dan bersistematis. Antara lain, tujuan dokumen ini ialah sebagai rujukan:

- Merancang keperluan operasi dan penyenggaraan bangunan warisan.
- Merancang kerja operasi dan penyenggaraan semua sistem komponen bangunan warisan.

Dokumen ini hanya terpakai untuk bangunan warisan milik kerajaan. Keperluan penyenggaraan adalah selaras dengan keperluan Jabatan Warisan Negara, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

GARIS PANDUAN

PENYENGGARAAN BANGUNAN WARISAN

LJKR **Bahagian Perundingan Pengurusan Aset Cawangan Perancangan Aset Bersepadu Jabatan Kerja Raya Malaysia**

BERKATUANAH KERJA RAYA MALAYSIA

PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

Program pensijilan ini adalah satu proses di mana pegawai daripada pelbagai disiplin akan diberi pentaulahan berdasarkan pengalaman serta kemahiran/kepakaran tertentu di dalam bidang Pengurusan Aset dan Fasiliti dan telah berjaya menepati piawaian pensijilan. Pentaulahan ini membolehkan pegawai memainkan peranan yang lebih professional sebagai wacana mencapai penanda aras yang optimum demi mencapai matlamat organisasi.

Pegawai yang menerima pentaulahan ini adalah mereka yang mempunyai kriteria-kriteria seperti yang telah ditetapkan di bawah program pensijilan ini.

OBJEKTIF

- 1** Memastikan setiap calon yang akan ditauliahkan mencapai kompetensi yang ditetapkan
- 2** Meningkatkan bilangan pengamal aset dan fasiliti JKR yang bertaualiah.
- 3** Memperakukan kakitangan JKR yang bertaualiah sebagai pengamal aset dan fasiliti



INISIATIF ke arah melahirkan *Subject Matter Expert (SME)* for Asset & Facilities Management.

OWNERSHIP Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA, CPAB)

TAHAP PENSIJILAN terbahagi kepada:

TAHAP	KATEGORI
2	Basic
3	Competent & Proficient
4	Expert & Strategic

PENERIMA ANUGERAH PENSIJILAN PENGURUSAN ASET & FASILITI

1	Pn. Maznida Shahila binti Mat Salleh	TAHAP 4
2	Pn. Fadzilah binti Sulaiman	TAHAP 4
3	Pn. Shahiena Azli binti Abdul Azis	TAHAP 4
4	Pn. Nor Sadilah binti Sadikun	TAHAP 4
5	Pn. Maziah binti Abu Hassan	TAHAP 4
6	Ir. Mohd Fadhill bin Arshad	TAHAP 4
7	En. Norazmi bin Bakar	TAHAP 4
8	Sr. Madiah binti Embong	TAHAP 4
9	Ir. Aieza binti Mohd Yusop	TAHAP 4
10	En. Mohammad Alias bin Khairuddin	TAHAP 4
11	En. Mat Nizi bin Mamat	TAHAP 4
12	Sr. Syed Mahadhir bin Wan Ibrahim	TAHAP 4
13	Cik Nor Rapidah binti Musthafa	TAHAP 4
14	Pn. Junaidah binti Rosli	TAHAP 4
15	Pn. Noor Azizah binti Majid	TAHAP 4
16	Ar. Intan Elyana binti Mohd. Helmi	TAHAP 4
17	Cik Nurhayati binti Abdul Hamid	TAHAP 4
18	Pn. Norazrin binti Mohd Kamarudzaman	TAHAP 4
19	Ir. Mohd Yusaini bin Mohd Yunus	TAHAP 4
20	Pn. Nor Islahiah binti Hashim	TAHAP 4
21	Sr. Norizan binti Mahmud	TAHAP 4
22	Pn. Siti Safura binti Jamaludin	TAHAP 4
23	Ir. Noorsyarini Rosaria binti Noordin	TAHAP 3
24	Ir. Salawati binti Sallan	TAHAP 3
25	Pn. Norashikin binti Akhbar @ Khairuddin	TAHAP 3
26	Ir. Kanita Foo Chai	TAHAP 3
27	Ir. Ilias Bin Abdullah	TAHAP 3

PELAN TINDAKAN

13
SEPT
2018

23
OGOS
2019

4
SEPT
2019

28
JAN
2020

19, 26 & 27
FEB
2020

11
JUN
2020

24
NOV
2020

2021 &
SETERUSNYA

Perlantikan
AJK Pensijilan
Pengurusan
Aset & Fasiliti
(PPAF)

Bentang di
Mesyuarat
Pengarah-
GPPAF
diluluskan

Bentang di
MPT: 3 pegawai
diluluskan
laluuan khas
sebagai panel
penilai

Serah ke
CREaTE:
i. GPPAF
ii. Senarai 33
calon
temuduga

Temuduga
diadakan
di CREaTE
dihadiri oleh
27 orang
pegawai

Keputusan
Temuduga: 27
pegawai lulus

Majlis Anugerah
Pensijilan diadakan
secara 'live telecast'
dari Menara KKR
Blok G

Pelawaan
meryatai program
pensijilan: Urusetia
Program Pensijilan
Kompetensi JKR
CREaTE

CERTIFIED ASSOCIATE IN ASSET MANAGEMENT (CAAM)



PENERIMA-PENERIMA SIJIL PENGHARGAAN CERTIFIED ASSOCIATE IN ASSET MANAGEMENT (CAAM)

BPPA, CPAB telah menghantar seramai 22 orang peserta untuk mengikuti program pensijilan *Certified Associate in Asset Management* yang dianjurkan secara bersama oleh MAPMA dan *Asset Management Council Australia*. Pensijilan ini membolehkan kompetensi pegawai BPPA dapat ditanda aras dengan agensi pensijilan dari luar negara yang telah lama berkecimpung dalam bidang **Pengurusan Aset & Fasiliti**.

Penerima-penerima sijil penghargaan di Majlis Penghargaan Kepada Certified Associate In Asset Management (CAAM) - Mesyuarat Agung Tahunan ke 11 MAPMA pada 22 September 2020.

1	Ir. Dr. Ahmad Firdaus bin Abdul Mutualib
2	Ir. Maznah binti Ahmad
3	Ir. Lai Shien Nang
4	En. Hamizan bin Husain
5	Ir. Salawati binti Sallan
6	En. Mohammad Alias bin Khairuddin
7	Ar. Mohd Nurhamli bin Mohd Thani Retnam
8	En. Mahaindran a/l Kristnan
9	En. Ahmad Asmizi bin Abd Ghani
10	En. Ahmad Fazli bin Mohamad Nor
11	Cik Norazrin binti Kamarudzaman
12	Pn. Junaidah binti Rosli
13	Pn. Noor Azizah binti Majid
14	Ar. Intan Elyana binti Mohd. Helmi
15	Pn. Nor Islahiah binti Hashim
16	Sr. Norizan binti Mahmud
17	Pn. Siti Safura binti Jamaludin
18	Pn. Norashikin binti Akhiar @ Khairuddin
19	Pn. Noor Azila binti Idris
20	En. Huong How Chuang
21	En. Yusri Amry bin Najib Fahmy
22	Pn. Zalinah binti Abu Seman

CERTIFICATION REQUIREMENTS

- Have attended and passed training courses approved by the Asset Management Council (Asset Management Fundamentals)
- Must demonstrate knowledge in at least **7 of the 13 core Competency Sets relevant to Associates**.
- Expected to have knowledge in **at least 2 more of the remaining 4 Competency Sets**



OBJECTIVE

- 1 Define asset management and understand the value asset management can deliver to organisations.
- 2 Identify the principles/fundamentals that underpin asset management.
- 3 Identify the elements of an asset management system including a typical set of processes and disciplines that support asset management.
- 4 Identify available asset management tools and techniques that are applicable within the organisational context.

CERTIFICATION PROCESS

- Select **7 competency sets** that you feel you can support by verifiable evidence
- Write a **description of evidence** for each of the Competency Sets that you are claiming
- Provide **examples** to demonstrate that you have the knowledge required for each Competency Set selected, and that your Asset Management knowledge has been applied
- A **Referee's name and details** are to be provided for **each** example described so that the Competency Set can be affirmed
- Provide a **CV and a role description** for current job and details of relevant qualifications.



PORTAL RASMI

JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JPAK)

Aset Negara. Amanah & Tanggungjawab Bersama

Selasa , 23 February 2021 | 11 Rejab 1442

Kata Kunci Carian...

UTAMA

MENGENAI JPAK

DIREKTORI

HUBUNGI KAMI

SOALAN LAZIM

DOKUMENTASI

**Dokumentasi Pengurusan Aset**

Klik untuk melihat senarai dokumen dan garis panduan pengurusan aset

PENGUMUMAN

Tiada pengumuman buat masa ini...

AKTIVITI

10/08/2020 - 12/08/2020

MESYUARAT PERINTIS DAN SIMULASI TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN (TPATA) BAGI KATEGORI ASET BANGUNAN (EDISI KEMAS KINI) BIL.1/2020

JPAK<http://jpak.jkr.gov.my/>

"Memastikan Aset Kerajaan Diuruskan Dengan Cekap, Profesional, Ekonomik Dan Selamat Digunakan"

Pengenalan JPAK**Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)**

Merupakan satu Jawatankuasa khas di peringkat tertinggi yang ditubuhkan bagi memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik berkaitan pengurusan aset. JKR dilantik sebagai urus setia bagi menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan Mesyuarat JPAK di samping bertindak sebagai badan tadbir urus dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan Pengurusan Aset Kerajaan.

STRUKTUR ORGANISASI JPAK**PENGERUSI**

Ketua Setiausaha Negara

AHLI

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarah Kerja Raya

Ketua Pengarah Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta

Ketua Pengarah MAMPU

SETIAUSAHA

Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, JKR Malaysia

URUS SETIA

Jabatan Kerja Raya

Tahukah anda?

Portal JPAK mula dibangunkan pada tahun 2015 dan merupakan satu inisiatif Urusetia JPAK, BPPA sebagai satu medium dalam perkongsian maklumat berkaitan dengan pengurusan aset kerajaan kepada agensi kerajaan dan kakitangan awam khususnya.

TANGGUNGJAWAB URUS SETIA JPAK

Mengurus setia Mesyuarat JPAK

Menyelaras agenda, menyediakan minit dan semua tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan dengan JPAK

Badan tadbir urus dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih kerajaan (TPATA);

Melaporkan hasil pemantauan pengurusan aset tak alih kepada Pejabat Penggerusi JPAK (Ketua Setiausaha Negara).

URUS SETIA JPAK

JKR dilantik sebagai Urusetia JPAK. Cawangan Perancangan Aset Bersepadu JKR bertanggungjawab untuk menyempurnakan tugasan urusetia JPAK ini.

Urusetia JPAK

Aras 1, Blok C Lama
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

jpak@jkr.gov.my
03-2610 7562
Apakah Kepentingan JPAK?**Fungsi-fungsi JPAK terhadap Pengurusan Aset Kerajaan**

Menentukan hala tuju dalam pelaksanaan Pengurusan Aset Kerajaan.

Menggubal dasar, strategi, pelan tindakan dan garis panduan bagi melaksanakan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan khususnya mengenai standard, keselamatan, perolehan dan pembangunan sumber manusia.

Menyelaras pelaksanaan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan di antara agensi-agensi Kerajaan peringkat persekutuan.

Menyediakan laporan berkala kemajuan pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan Pengurusan Aset Kerajaan.

<http://jpedia.jkr.gov.my/index.php/WikiAset>

The screenshot shows the WikiAset page with a circular diagram illustrating the Asset Management Cycle. The cycle is divided into four phases: FASA 1 (PERANCANGAN), FASA 2 (PEWUJUDAN ASSET), FASA 3 (PEMUSANGAN ASSET), and FASA 4 (PELUPUSAN). Within each phase, there are specific processes: PERANCANGAN (Reka Bentuk, Perolehan, Peminiaman); PEWUJUDAN ASSET (Pembinaan, Operasi & Bengkala, Penerimaan, Penyerahan); PEMUSANGAN ASSET (Penilaian, Pengeluaran Baru Taraf); and PELUPUSAN (FAEDAH ASET YANG OPTIMUM). Below the diagram is a sidebar listing various documents:

- Dokumen SPB - SPK Penyenggaraan ISO 9001:2015
- Pekeling/Surat Arahan/Garis Panduan/Manual Pengguna NAFAM 2007
- Buletin Tahunan & Newsletter
- Seminar Pengurusan Aset dan Fasiliti & Kertas Pembentangan
- Risalah BPPA
- Artikel/Journal
- Portal JPAK
- mySPATA
- Sistem Pengurusan Fasiliti Berpusat JKR eSPFB
- Laporan Bulanan Penerimaan Lukisan Siap Bina

PENERIMAAN LUKISAN SIAP BINA

Projek-projek Di Bawah Seliaan Jabatan Kerja Raya Malaysia

2009

Proses pengumpulan adalah bermula daripada senarai projek (siap semasa dan dalam tempoh tanggung kecacatan – (DLP) yang terdapat dalam Sistem SKALA bermula pada September 2009.

Mulai tahun 2016 bagi projek-projek yang tidak berdaftar dalam sistem SKALA juga diterima seiring dengan pertambahan projek-projek di bawah seliaan JKR.

Objektif

- 1 Mengurus pengumpulan dan penyimpanan LSB dengan lebih sistematik dan seragam
- 2 Memastikan setiap premis / asset mempunyai LSB yang lengkap
- 3 Mewujudkan pusat sehenti LSB dan arkib LSB

Urusetia Pengurusan Lukisan Siap Bina (UPLSB)
Seksyen Pengurusan Perubahan & Urusetia Lukisan Siap Bina
Unit Pembangunan Kompetensi Dan Tranformasi (UPKT)

Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA)
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)

Laporan Bulanan Penerimaan LSB

Penyediaan Laporan Status Penerimaan Lukisan Siap Bina mengikut Pengurus Program untuk setiap bulan berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada semua JKR Cawangan dan JKR negeri.

Skop Lukisan Siap Bina yang lengkap hendaklah disertakan dengan dokumen berikut :

- 1 Salinan Lukisan Siap Bina dengan format CAD (*.dwg)
- 2 Salinan Lukisan Siap Bina yang telah disahkan, bertandatangan dan cop dengan format PDF (*.pdf) dengan keupayaan OCR
- 3 Salinan Manual Operasi dan Penyenggaraan dengan format PDF (*.pdf) dengan keupayaan OCR
- 4 Salinan Sijil Testing and Commissioning dengan format PDF (*.pdf) dengan keupayaan OCR
- 5 Salinan dokumen yang berkaitan dengan format PDF (*.pdf) dengan keupayaan OCR

Definisi

Aset



Sumber
ISO
55000:2014

Item, benda atau entiti yang mempunyai potensi atau nilai sebenar kepada organisasi.

Pengurusan Aset



Sumber
ISO
55000:2014

Aktiviti (termasuklah pendekatan, perancangan dan pelaksanaan) yang diselaraskan oleh organisasi untuk merealisasikan **nilai** (yang melibatkan keseimbangan **kos, risiko, peluang dan faedah prestasi**) daripada aset.

Pengurusan Fasiliti



Sumber
ISO
41011:2017

Fungsi organisasi yang mengintegrasikan orang, tempat dan proses dalam persekitaran binaan dengan tujuan meningkatkan kualiti kehidupan orang dan produktiviti perniagaan (penyampaian perkhidmatan) teras.

PENGURUSAN ASET



Penggunaan dan pulangan/ nilai maksimum

Objektif

Semua aset yang digunakan dalam penyampaian perkhidmatan utama dan fungsi sokongannya

Skop Kerja

Meningkatkan produktiviti penyelenggaraan dan mengoptimumkan kebolehpercayaan peralatan

Yang Utama

Objektif keuntungan pelabur di samping meminimumkan perbelanjaan modal

Fokus

Tiada

Sosial Korporat

KEPERLUAN PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN ASET



Mengoptimumkan hayat aset



Mengelakkan pembaziran wang rakyat



Aset dalam keadaan baik dan berfungsi



Keyakinan kepada sistem penyampaian kerajaan



Penyampaian perkhidmatan kepada rakyat

Aset ialah harta benda atau apa-apa yang bernilai untuk dimiliki, sama ada berbentuk semasa atau bukan semasa.

PENGURUSAN FASILITI



Mewujudkan persekitaran kerja yang optimum/ selesa

Aset yang menyokong penyampaian perkhidmatan utama jabatan/ organisasi

Meningkatkan produktiviti dan keberkesanan pengguna

Memenuhi keperluan dan permintaan pengguna/ penghuni tempat kerja

Lebih 90% inisiatif tanggungjawab sosial korporat di bawah pengurusan fasiliti

PENGURUSAN ASET MENYELURUH

PERINGKAT PENGURUSAN ASET

STRATEGIK

- Melibatkan aktiviti di peringkat pengurusan tertinggi.
- Merupakan pelan jangka panjang.
- Peringkat membuat keputusan utama (*key decision*).
- Menentukan hala tuju organisasi dan penyelesaian bersepada.

TAKTIKAL

- Aktiviti melibatkan kumpulan pengurusan pertengahan (*middle management*).
- Isu taktikal menitikberatkan penyesuaian (*customization*) dan perancangan.
- Fokus untuk memahami keperluan organisasi.
- Melaksanakan penyelesaian yang memberi nilai tambah (*added value*).
- Merangkumi pengurusan proses dan penyelarasan tindakan.

OPERASI

- Aktiviti peringkat kumpulan pelaksana/ pengendali aset.
- Melibatkan isu-isu operasi dalam penyampaian perkhidmatan.

AMALAN BAIK PENGURUSAN ASET

Ke Arah Pencapaian Objektif Organisasi

Membangunkan dan melaksanakan proses-proses yang menghubungkan tujuan dan prestasi aset yang dikehendaki dengan objektif organisasi.



Mempertimbangkan Seluruh Kitaran Hayat Aset

Melaksanakan proses-proses untuk memastikan keupayaan pelaksanaan sesuatu aktiviti di semua peringkat kitaran hayat.



Penambahbaikan Berterusan

Melaksanakan proses-proses untuk pemantauan dan penambahbaikan berterusan.



Sumber Yang Berkesan

Menyediakan sumber yang diperlukan serta kakitangan yang berpengetahuan, terlatih dan cekap.



AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN ASET

1 Analisis Keperluan Aset

Kajian mendalam terhadap keperluan perkhidmatan & infrastruktur.



2 Penilaian Ekonomi

Penaksiran secara sistematis antara kos dan faedah bagi pelbagai pilihan penyelesaian yang berasaskan aset dan bukan aset.



3 Perancangan

Pelan pengurusan aset, keputusan dan aktiviti mesti diintegrasikan dengan perancangan korporat dan perkhidmatan teras jabatan.



4 Belanjawan

Keperluan peruntukan bagi pembiayaan sepanjang hayat aset hendaklah disediakan secukupnya oleh sumber pembiayaan yang ditentukan.



5 Penaksiran Harga

Suatu kaedah menentukan caj/ harga sebenar dalam penggunaan aset berdasarkan nilai sebenar, kos pembangunan, pembinaan, pembelian, operasi, senggara dan nilai pelupusan aset.



6 Pewujudan Aset

Pembinaan, perolehan, pembiakan dan penyelidikan.



7 Rekod, Penilaian dan Laporan

Kemas kini daftar aset seperti rekod yang tepat, dan penilaian data aset akan membantu membuat keputusan yang berkesan terhadap penggunaan aset.



8 Pengurusan Dalam Penggunaan Aset

Keberkesanan penyenggaraan mempengaruhi tempoh jangka hayat sebenar sesuatu aset.



9 Pelupusan Aset

Melepaskan milikan aset secara roboh/ musnah, penjualan, pemajakan, pindah milik, hapus kira, dll..





AKTIVITI PENGURUSAN SOKONGAN

1 Pengurusan Permintaan

- Mengkaji dan menilai impak dan implikasi ke atas komuniti untuk jangka pendek dan panjang.
- Ambil kira faktor kewangan, sosial & alam sekitar.
- Mengenal pasti kaedah alternatif menangani (mengurangkan/ meningkatkan) permintaan untuk perkhidmatan selain dengan menambah kapasiti aset.



2 Pengurusan Sumber Manusia

- Tanggungjawab dan kuasa pegawai pengurusan aset perlu dikenal pasti.
- Pemilihan kakitangan yang berkelayakan dan sesuai.
- Memastikan pegawai aset adalah kompeten.
- Memastikan keperluan kemudahan dan persekitaran yang sesuai kepada pegawai bagi menguruskan aset.



3 Pengurusan Kewangan

- Pengagihan sumber & penilaian prestasi.
- Menentukan risiko dan keperluan insurans.
- Keperluan laporan kewangan.
- Menentukan harga jualan aset.

Jenis Perbelanjaan Aset

- Peruntukan Pembangunan
- Peruntukan Mengurus

4 Pengurusan Nilai dan Risiko

Mengenal Pasti Risiko

Contohnya:

Penyampaian perkhidmatan terganggu.

Aset tidak ekonomik.

Pemuliharaan dan perbelanjaan luar jangka.

Mengurus Risiko

Mewujudkan pelan pengurusan nilai dan risiko yang merangkumi semua proses sepanjang kitar hayat aset.

Memantau Risiko

Memantau secara berterusan dan menilai keberkesanan tahap amalan pengurusan nilai dan risiko dalam ***PAM di agensi masing-masing.

Penambahbaikan Berterusan

Berusaha mencapai tahap perkhidmatan aset yang optimum melalui amalan terbaik dalam pengurusan nilai dan risiko.

***PAM
- Pengurusan Aset Menyeluruh

5 Pengurusan Data

- Mewujudkan sistem pengurusan maklumat aset.
- Menyenggara pendaftaran aset.
- Mengguna pakai aplikasi sistem pengurusan aset dalam mengurus dan memantau aset.
- Memastikan maklumat aset sentiasa dikemas kini dan mudah dicapai.

Contoh Maklumat Aset

- Pegawai atau unit bertanggungjawab
- Klasifikasi dan butiran aset
- Data transaksi
- Kos perolehan
- Lokasi aset
- Jenis aset/ spesies
- Maklumat kewangan
- Data prestasi
- Jadual pemeriksaan dan status aset
- Jadual penyenggaraan
- Maklumat pelupusan atau hapus kira

6 Pengurusan Prestasi

Petunjuk Prestasi

Wujud, Ukur & Nilai Prestasi Perkhidmatan Aset berdasarkan *ASL, **KPI, Petunjuk Prestasi lain.

*ASL
